

Newspaper	Berita Harian
Date	8 August 2015

# Malaysia, Vietnam komited tingkat hubungan dagang

BH - 8/8/2015

**Putrajaya:** Malaysia dan Vietnam komited untuk meningkatkan dagangan daripada AS\$10 bilion (RM39 bilion) tahun ini kepada AS\$15 bilion (RM58.5 bilion) menjelang 2020, kata Datuk Seri Najib Razak.


Perdana Menteri berkata, ia sejajar dengan keputusan mempertingkatkan perkongsian strategik yang akan membuka era baharu hubungan dua hala Malaysia-Vietnam.

"Malaysia adalah pelabur kelapan terbesar di Vietnam dan ahli perniagaan serta syarikat korporat negara turut menyatakan minat meneroka peluang baharu bagi meningkatkan pelaburan.

"Hampir 50 peratus pelaburan di Vietnam daripada PETRONAS yang bersama Petro-Vietnam bersetuju memperluaskan penerokaan kawasan baharu blok minyak di negara berkenaan. Malah, PETRONAS memohon kepada kerajaan Vietnam supaya perkara ini dipertimbangkan.

## Kerjasama tiga pihak

"Malaysia dan Vietnam juga bersetuju meneliti kemungkinan kerjasama tiga pihak dengan Thailand bagi meneroka dan membangunkan sumber minyak dan gas di kawasan yang bertindih di tiga negara ini," katanya pada sidang me-



**Najib menyambut Tan Dung** yang tiba di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. [FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

dia bersama Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung di Perdana Putra di sini semalam sempena lawatan rasmi dua hari Dung.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara bersetuju bekerjasama rapat

dalam bidang pertahanan dan keselamatan, terutama untuk menangani jenayah perdagangan manusia dan pencelobohan perairan negara masing-masing.

"Ini termasuk meningkatkan lagi rondaan oleh pihak

tentera di kawasan sempadan perairan masing-masing dan menubuhkan talian penting (hotline) antara kedua-dua negara. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Dung dan kerajaannya dalam membantu menahan lapan lanun yang merompak kapal MT Orkim Harmony, baru-baru ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, satu perjanjian persefahaman turut ditandatangani semalam bagi memastikan hak kira-kira 60,000 pekerja Vietnam di Malaysia dilindungi.

## Bincang pembantu rumah dari Vietnam

Selain itu, Malaysia dan Vietnam dalam proses perbincangan lanjut berhubung cadangan mengambil pembantu rumah negara itu.

Dalam pada itu, Tan Dung berkata, kedua-dua pihak akan meneruskan komitmen tidak membenarkan mana-mana individu atau organisasi menggunakan wilayah masing-masing bagi melakukan aktiviti dilarang oleh kedua-dua negara.

Katanya, mereka juga bersetuju mempercepatkan proses rundingan dalam perjanjian perintah ekstradisi, pemindahan tahanan dan pemerdagangan manusia.

Vietnam juga bersedia merealisasikan hasrat Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) dalam mewujudkan komuniti ASEAN serta membangunkan rantau ini.